

NO. SOALAN: 26

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DR. AZMAN BIN ISMAIL [KUALA KEDAH]

TARIKH : 18 MAC 2015

RUJUKAN : 7525

SOALAN:

Dr. Azman bin Ismail [Kuala Kedah] minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan berapakah kes orang yang disyaki penjenayah yang didera dan dcederakan oleh orang ramai secara spontan dan serius (contoh disyaki peragut) bagi tahun 2013 dan 2014. Apakah pendakwaan yang dilakukan terhadap orang yang mencederakan orang yang disyaki dan apakah hasilnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Orang awam mempunyai hak untuk melakukan tangkapan mengikut Seksyen 27 Kanun Prosedur Jenayah (KPJ) bagi kesalahan yang berlaku pada pandangannya dan tanpa tangguh hendaklah menyerahkan orang tersebut kepada pegawai polis yang berhampiran atau apabila ketiadaan pegawai polis hendaklah membawanya ke balai polis yang berhampiran. Adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana orang awam mendera atau mencederakan orang yang ditangkap dan orang awam berkenaan boleh dituduh mengikut kesalahan yang telah dilakukannya secara perseorangan atau secara berkumpulan.

Berkaitan pertanyaan berapakah kes orang awam yang telah didakwa kerana mencederakan atau menyebabkan kematian kepada mereka yang disyaki penjenayah, pihak polis tidak mempunyai angka berkenaan kerana tiada modul yang disediakan dalam sistem laporan polis. Perangkaan yang boleh dijana melalui *Police Reporting System* (PRS) adalah mengikut tajuk seperti seksyen undang-undang, jantina, umur, bangsa, kewarganegaraan dan lain-lain dan tidak tergolong perkara yang yang dimaksudkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT**

PERTANYAAN : BAGI JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI
[LABUAN]**

TARIKH : 18 MAC 2015 (RABU)

SOALAN : 27

Datuk Rozman bin Isli [Labuan] minta **MENTERI PENGANGKUTAN** menyatakan adakah Kementerian akan membina sebuah pelabuhan bersepadu seperti yang dirancang memandangkan keadaan Pelabuhan Labuan ketika ini sangat sesak.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Dewan yang mulia ini, dengan keluasan hanya 5 ekar, sememangnya Pelabuhan Labuan sedia ada tidak dapat memenuhi keperluan Labuan pada masa hadapan. Pengoperasian pelabuhan ini yang terletak di bandar Labuan sering kali menyumbang kepada kesesakan lalu lintas. Kementerian Pengangkutan mempunyai perancangan untuk memindahkan lokasi pelabuhan tersebut ke Ranca-Ranca yang terletak di sebelah selatan Labuan dan projek ini dirancang untuk dilaksanakan secara ,dengan izin, *Private Finance Initiative* (PFI).

Kerajaan dengan ini mengalu-alukan sebarang cadangan untuk melaksanakan pembangunan projek pelabuhan di Ranca-Ranca ini.